

UB786 DEB  
MAHATHIR-DASAR

19 84

KUALA LUMPUR, 21 NOV. (BERNAMA) -- SATU KAJIAN SEDANG DIJALANKAN BERKENAAN DENGAN SEGALA DASAR YANG MEMPUNYAI KESAN TERHADAP EKONOMI NEGERA UNTUK MENENTUKAN SAMADA IA MENGUNTUNGKAN ATAU MERUGIKAN KERAJAAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA KAJIAN ITU YANG JUG4 MENCAKUPI PERLAKSANAAN DASAR EKONOMI BARU (DEB) BERTUJUAN UNTUK MEMBOLEHKAN KERAJAAN MENGETAHUI DENGAN LEBIH JELAS SAMADA APA YANG TELAH DILAKSANAKAN SEJAK DAHULU BENAR-BENAR MENCAPAI MATLAMATNYA.

+KITA SEKARANG MENGAJIFUNGSI-FUNGSI KERAJAAN YANG TELAH DIAMALKAN SEKIAN LAMA TERMASUK PERLAKSANAAN DEB SUPAYA KIT4 DAPAT MENGETAHUI DENGAN LEBIH JELAS SAMADA APA YANG DIBUAT ITU BENAR-BENAR MENCAPAI MATLAMATNYA.

+JIKA DASAR-DASAR ITU TIDAK MENCAPAI MATLAMAT YANG DIHARAPKAN, KENAPAKAH TERJADI DEMIKIAN DAN APAKAH TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL UNTUK MEMPERBETULKANNYA, + TAMBAHNYA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MINGGUAN KABINET DI PEJABATNYA.

DR. MAHATHIR BERKATA KAJIAN MENGENAI ARAH ALIRAN EKONOMI ITU MELIPUTI SEMUA DASAR YANG ADA KAITAN DENGAN EKONOMI TERUTAMA PELANCONGAN, PELAJARAN DALAM NEGERI, INSURAN DAN PERKAPALAN. ---LAGI  
1540MST 21 11 aft

D302

U B787DEB

MAHATHIR-DASAR 2 KUALA LUMPUR

DASAR-DASAR LAIN YANG TERLIBAT DALAM KAJIAN ITU IALAH KONSEP PENSWASTAAN DAN DASAR PANDANG KE TIMUR.

PERDANA MENTERI BERKATA SEBANYAK 15 KERTAS KABINET TELAH DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT HARI INI TERMASUK DASAR MEMBELI LORI-LORI KERAJAAN.

BAGAIMANAPUN, BELIAU TIDAK MENGHURAIKAN DENGAN LEBIH LANJUT MENGENAI DASAR PEMBELIAN LORI-LORI ITU. ---BERNAMA

1541MST 21 11 84